BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Ref. No.: 06/12/05

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum jam 1830 pada hari Khamis, 28 Disember 2006

Perkembangan Monetari dan Kewangan November 2006
Kenyataan Utama Siaran Akhbar

- Trend inflasi terus menurun, dengan kadar inflasi sederhana kepada 3% pada bulan November.

- Pada tempoh 1 November – 27 Disember 2006, ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS dan yen Jepun. Ringgit menambah nilai berbanding dengan semua mata wang serantau dalam julat 1.6% -2.4%. Langkah pengawalseliaan yang dikenakan oleh Bank of Thailand untuk mengehadkan aliran masuk modal, yang diumumkan pada 18 Disember 2006, hanya memberikan kesan yang sedikit dan sementara terhadap ringgit.

- Pada bulan November, Indeks Komposit Kuala Lumpur (Kuala Lumpur Composite Index, KLCI) mencecah paras 1,000 mata untuk ditutup pada 1,080.66 atau 9.4% lebih tinggi berbanding dengan akhir bulan Oktober. Pada 19 Disember, KLCI merosot sebanyak 1.96% selepas pihak berkuasa Thailand mengenakan kawalan modal untuk membendung spekulasi terhadap mata wang baht. Walau bagaimanapun, pasaran pulih semula selepas itu dengan KLCI ditutup hanya lebih tinggi sedikit pada 1083.22 (sejak akhir bulan November: 0.2%) pada 27 Disember.

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Ref. No.: 06/12/05

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum jam 1830 pada hari Khamis, 28 Disember 2006

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN NOVEMBER 2006

Pembiayaan sektor swasta melalui pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) terkumpul berkembang pada kadar tahunan yang lebih tinggi sebanyak 7.5% pada bulan November (Oktober: 7.2%). Jumlah pinjaman terkumpul meningkat 7.3% dengan pinjaman terkumpul kepada sektor perniagaan dan sektor isi rumah meningkat masing-masing pada kadar tahunan 4.1% dan 10.2% (Oktober: masing-masing 2.6% dan 10.6%)

Dana kasar yang diperoleh melalui pasaran PDS berjumlah RM2.3 bilion pada bulan November. Kebanyakan dana itu diperoleh terutamanya melalui terbitan nota jangka sederhana yang mencakupi 81% daripada jumlah PDS yang diterbitkan pada bulan itu.

Kadar deposit tetap (fixed deposit, FD) purata bank perdagangan terus stabil pada bulan November dan Disember. Dari segi kadar pinjaman, kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata kekal tidak berubah pada 6.72%, manakala kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) bank perdagangan secara relatif stabil pada 6.59% pada bulan November (akhir bulan Oktober: 6.56%). Kadar antara bank bagi semua tempoh matang secara relatif stabil pada bulan itu.

Pada tempoh 1 November – 27 Disember 2006, ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS dan yen Jepun. Ringgit juga menambah nilai

berbanding dengan semua mata wang serantau dalam julat 1.6% - 2.4%. Langkah pengawalseliaan yang dikenakan oleh Bank of Thailand untuk mengehadkan aliran masuk modal, yang diumumkan pada 18 Disember 2006, hanya memberikan kesan yang sedikit dan sementara terhadap ringgit.

Inflasi, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna (IHP), menurun kepada 3% pada bulan November (Oktober: 3.1%). Penyederhanaan inflasi disebabkan terutamanya oleh kenaikan harga yang lebih perlahan bagi barangan dalam kategori *pengangkutan*, dan *hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah*. Kadar kenaikan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) meningkat kepada 5.4% pada bulan Oktober (September: 3.9%), disebabkan terutamanya inflasi yang lebih tinggi dalam kategori *jentera dan kelengkapan pengangkutan*.

Wang secara kecil atau M1 meningkat pada kadar tahunan yang lebih tinggi sebanyak 15.2% (Oktober: 9.4%). Wang secara luas atau M3 berkembang pada kadar tahunan 11.2% (9.1 % pada bulan Oktober). Tuntutan bersih terhadap Kerajaan dan operasi luaran bersih memberikan kesan pengembangan terhadap M3 pada bulan itu, sementara kesan pengembangan tuntutan terhadap sektor swasta melalui pinjaman terkumpul yang lebih tinggi bagi sistem perbankan sebahagiannya diimbangi oleh pemegangan PDS yang lebih rendah.

Paras permodalan sistem perbankan terus tinggi dengan nisbah modal wajaran risiko (risk-weighted capital ratio, RWCR) dan nisbah modal teras masing-masing pada 12.7% dan 9.9%. Jumlah asas modal menurun disebabkan satu institusi perbankan dikeluarkan berikutan tamatnya pelaksanaan penggabungan dan satu lagi institusi perbankan membuat pengagihan dividen. Sementara itu, pinjaman tak berbayar (non-performing loans, NPL) bersih meneruskan trend menurun kepada 4.9% daripada jumlah pinjaman bersih pada akhir bulan November 2006.

Kadar faedah terus stabil

Pada tempoh 1 November – 22 Disember, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat yang kecil antara 3.48% - 3.53%. Kadar antara bank bagi tempoh matang lain juga secara relatif kekal stabil.

Kadar FD purata bank perdagangan terus stabil pada bulan November dan Disember. Pada 15 Disember 2006, kadar disebut purata FD bank perdagangan bagi tempoh pemegangan antara 1 hingga 12 bulan adalah stabil masing-masing pada 3.11% dan 3.73%. Dari segi kadar pinjaman, kadar BLR purata bank perdagangan kekal tidak berubah pada 6.72% pada 15 Disember. Kadar ALR bank perdagangan secara relatif stabil pada 6.59% pada bulan November (6.56% pada bulan Oktober).



Kadar antara bank semalaman purata kekal stabil pada bulan November dan Disember



Selain itu, kadar antara bank lain juga stabil



Bank Negara Malaysia menyerap mudah tunai dalam sistem perbankan pada bulan November



ALR bank perdagangan secara relatif stabil



Nisbah pembiayaan-deposit menurun kerana pertumbuhan deposit lebih tinggi berbanding dengan pembiayaan

Struktur Terma Kadar Deposit Tetap
Bank Perdagangan



	1 bulan	3 bulan	6 bulan	9 bulan	12 bulan
Okt 06	3.13	3.21	3.36	3.49	3.76
Nov 06	3.11	3.20	3.35	3.47	3.75
15 Dis 06	3.11	3.20	3.34	3.46	3.74

Kadar FD kekal stabil

Kadar Deposit Tetap Benar 3 Bulan



FD 3 bulan benar meningkat lebih tinggi disebabkan inflasi yang lebih rendah

Ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS

Pada tempoh 1 November – 27 Disember 2006, ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS dan yen Jepun. Walau bagaimanapun, ringgit menyusut nilai berbanding dengan euro. Dolar AS menyusut nilai berikutan beberapa data ekonomi AS yang lebih lemah, yang seterusnya menyebabkan jangkaan penurunan kadar faedah tanda aras, manakala euro menambah nilai apabila European Central Bank dijangka terus meningkatkan kadar faedah tanda arasnya. Sementara itu, yen Jepun menjadi lemah berikutan jangkaan bahawa kadar faedah tanda aras tidak akan dinaikkan lagi pada tahun ini. Ringgit menambah nilai berbanding dengan semua mata wang serantau dalam julat 1.6% - 2.4%. Langkah pengawalseliaan yang dikenakan oleh Bank of Thailand untuk mengehadkan aliran masuk modal, yang diumumkan pada 18 Disember 2006, hanya memberikan kesan yang sedikit dan sementara terhadap ringgit.





Prestasi Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih

RM kepada mata wang asing	Akhir tempoh				Perubahan %	
	Dis 05	Okt 06	Nov 06	27 Dis 06	Akhir Dis 05 - 27 Dis 06	Akhir Okt 06 - 27 Dis 06
Dolar AS	3.7800	3.6480	3.6180	3.5380	6.8	3.1
Euro	4.4867	4.6382	4.7626	4.6452	-3.4	-0.1
Paun sterling	6.5226	6.9310	7.0473	6.9279	-5.9	0.0
100 yen Jepun	3.2229	3.1035	3.1124	2.9777	8.2	4.2
Dolar Singapura	2.2714	2.3352	2.3430	2.2985	-1.2	1.6
100 baht Thailand	9.2049	9.9225	10.0347	9.7385	-5.5	1.9
100 peso Filipina	7.1254	7.3121	7.2833	7.1903	-0.9	1.7
100 rupiah Indonesia	0.0385	0.0400	0.0395	0.0391	-1.7	2.4
100 won Korea	0.3739	0.3863	0.3889	0.3802	-1.6	1.6
Renminbi China	0.4686	0.4631	0.4614	0.4525	3.6	2.4

Inflasi menurun kepada 3% pada bulan November

Inflasi, seperti yang diukur oleh IHP, menurun kepada 3% pada bulan November (Oktober: 3.1%). Penyederhanaan inflasi disebabkan terutamanya oleh kenaikan harga yang perlahan bagi barangan dalam kategori *pengangkutan,* dan *hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah*. Inflasi bagi barangan dalam kategori *makanan dan minuman bukan alkohol* secara relatif stabil. Khususnya, kenaikan harga *makanan di rumah* pada tempoh itu diimbangi sebahagiannya oleh harga *makanan di luar rumah* yang lebih rendah. Sementara itu, harga *pakaian dan kasut*, dan *caj komunikasi* terus menurun berbanding dengan setahun yang lalu.



Bermula 2006, kumpulan "makanan" telah diklasifikasi semula kepada "makanan dan minuman bukan alkohol"

Inflasi pada 3% pada bulan November

Kenaikan harga pengeluar meningkat pada bulan Oktober

Kadar kenaikan IHPR meningkat kepada 5.4% pada bulan Oktober (September: 3.9%). Kenaikan IHPR disebabkan terutamanya oleh inflasi yang lebih tinggi dalam kategori *jentera dan kelengkapan pengangkutan*.

.



Bermula Ogos 2006, Indeks Harga Pengeluar telah disemak semula kepada tahun asas 2000=1000, daripada 1989=100 sebelumnya

Kenaikan IHPR meningkat pada bulan Oktober

Wang secara luas terus berkembang pada bulan November

Pada bulan November, wang secara kecil atau M1 meningkat pada kadar tahunan yang lebih tinggi sebanyak 15.2% (Oktober: 9.4%) disebabkan deposit permintaan yang lebih tinggi terutamanya oleh institusi kewangan bukan bank. Wang secara luas atau M3 berkembang pada kadar tahunan 11.2% (9.1% pada bulan Oktober). Pada asas bulanan, tuntutan bersih terhadap Kerajaan memberikan kesan pengembangan terhadap M3, apabila Kerajaan mengeluarkan depositnya daripada Bank Negara Malaysia berikutan penebusan bersih sekuriti Kerajaan dan untuk membiayai perbelanjaannya. Operasi luaran bersih juga memberikan kesan pengembangan terutamanya disebabkan peningkatan aset luaran bersih sistem perbankan. Kesan pengembangan tuntutan terhadap sektor swasta melalui pinjaman terkumpul sistem perbankan yang lebih tinggi diimbangi sebahagiannya oleh pemegangan sekuriti hutang swasta yang lebih rendah.

Penentu-Penentu M3
(RM bilion)

	Perubahan pada tempoh			
	2004	**2005**	**Okt 06**	**Nov 06**
M3	68.0	49.7	8.8	11.5
Tuntutan bersih terhadap Kerajaan	-15.9	-5.5	1.4	7.8
Tuntutan terhadap sektor swasta	30.6	44.6	-0.4	3.0
Pinjaman	*39.8*	*45.0*	*-0.1*	*4.1*
Sekuriti	*-9.2*	*-0.4*	*-0.3*	*-1.1*
Operasi luar negeri bersih *	82.7	17.3	8.0	11.5
Pengaruh lain	-29.4	-6.7	-0.2	-10.8

* Sebelum penilaian semula rizab antarabangsa



Deposit sistem perbankan meningkat lagi pada bulan November

Jumlah deposit sistem perbankan meningkat dengan lebih ketara sebanyak RM18.8 bilion pada bulan November (Oktober: RM13.0 bilion) atau pada kadar tahunan 15.4% (Oktober: 12.8%). Deposit yang lebih tinggi dicatat oleh kebanyakan kumpulan pendeposit dengan peningkatan yang ketara dalam penempatan deposit oleh perusahaan perniagaan dan institusi kewangan bukan bank. Antara perusahaan perniagaan, peningkatan deposit sebahagiannya disebabkan oleh penghantaran balik hasil eksport yang lebih tinggi pada bulan itu. Deposit institusi kewangan bukan bank juga meningkat berikutan penerimaan bayaran yang dibuat oleh Kerajaan untuk sekuriti Kerajaan yang telah matang. Deposit yang lebih tinggi dalam kalangan perusahaan perniagaan dan institusi kewangan bukan bank sebahagiannya juga mencerminkan penyerapan deposit daripada salah satu syarikat diskaun ke dalam sistem perbankan (bank perdagangan, bank-bank Islam dan bank saudagar) berikutan pelaksanaan penggabungan antara sebuah syarikat diskaun dengan sebuah bank saudagar pada bulan itu. Dari segi deposit mengikut jenis, peningkatan ini terutamanya mencerminkan FD, perjanjian beli balik dan deposit perbankan Islam.

Deposit mengikut Penyimpan
(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Ogos 06	**Sep 06**	**Okt 06**	**Nov 06**
Kerajaan Persekutuan	-1,285	1,021	-7	220
Kerajaan Negeri	1,391	-176	214	-218
Badan Berkanun [1]	-105	1,566	-990	1,211
Institusi Kewangan	766	4,447	3,667	5,543
Perusahaan Perniagaan	6,477	-4,152	6,765	8,769
Individu	1,385	1,530	2,825	2,459
Lain-lain [2]	6	1,328	538	833
Jumlah	8,636	5,564	13,012	18,818

1/ Termasuk Kerajaan tempatan

2/ Termasuk lain-lain entiti tempatan dan entiti bukan bank asing

Deposit mengikut Jenis
(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Ogos 06	**Sep 06**	**Okt 06**	**Nov 06**
Deposit tetap	2,763	3,435	3,371	10,518
NID	5,635	4,751	2,457	-6,233
Deposit permintaan	1,959	-1,015	2,730	1,567
Deposit tabungan	200	192	635	871
Perjanjian beli balik (Repo)	-3,142	-4,009	-3,022	9,005
Deposit mata wang asing	952	-1,416	2,803	-292
Deposit SPI	-65	2,697	3,602	3,010
Lain-lain	334	929	435	373
Jumlah	8,636	5,564	13,012	18,818

Pembiayaan kasar sektor swasta meningkat pada bulan November

Jumlah pembiayaan kasar sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal berjumlah RM44.9 bilion pada bulan November (Oktober: RM41.4 bilion). Pada asas bersih, pembiayaan sektor swasta melalui pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul berkembang pada kadar tahunan yang lebih tinggi sebanyak 7.5%. (Oktober: 7.2%).



Pembiayaan kasar sektor swasta lebih tinggi terutamanya disebabkan oleh pengeluaran pinjaman yang lebih kukuh



Penunjuk pinjaman utama lebih tinggi pada asas bulanan selepas mengalami paras yang kebiasaannya rendah pada bulan Oktober

Penunjuk Pinjaman Bank

	RM bilion		Pertumbuhan Tahunan (%)	
	Okt	Nov	Okt	Nov
Jumlah				
Permohonan pinjaman	22.6	27.0	-15.0	17.2
Kelulusan pinjaman	14.7	17.2	-16.3	22.7
Pengeluaran pinjaman	38.9	42.4	-19.6	3.2
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	-0.1	3.9	6.8	7.3
Perusahaan perniagaan[2/]				
Permohonan pinjaman	11.4	14.6	-9.2	18.5
Kelulusan pinjaman	7.9	9.6	-1.4	38.3
Pengeluaran pinjaman	27.1	29.7	-21.6	2.2
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	-1.7	1.7	2.6	4.1
PKS				
Permohonan pinjaman	5.9	7.6	t.b[3/]	t.b.[3/]
Kelulusan pinjaman	4.1	4.3	t.b.	t.b.
Pengeluaran pinjaman	10.6	10.0	t.b.	t.b.
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	-0.7	0.3	t.b.	t.b.
Isi rumah				
Permohonan pinjaman	11.2	12.5	-20.2	15.7
Kelulusan pinjaman	6.9	7.6	-28.7	7.4
Pengeluaran pinjaman	11.9	12.7	-14.6	5.7
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	2.0	2.2	10.6	10.2

t.b. tidak berkenaan

[1/] Pertumbuhan tahunan adalah jumlah terkumpul pada akhir tempoh.

[2/] Berikutan pengelasan baru sistem statistik institusi kewangan (FISS) berkuatkuasa April 2006, dan bagi memastikan perbandingan kadar tahunan dapat dilaksanakan bagi permohonan, kelulusan, dan bayaran balik pinjaman, kategori bagi perusahaan perniagaan telah diperluaskan dengan merangkumi pinjaman kepada pelanggan lain iaitu institusi kewangan bukan bank, Kerajaan, entiti bukan perusahaan perniagaan milik tempatan serta entiti asing. Pinjaman ini mencakupi sebahagian kecil berbanding pinjaman kepada perusahaan perniagaan. Arah aliran kadar pertumbuhan masih sama seperti sebelum perluasan kategori tersebut.

[3/] Bermula pada bulan Mac 2006, pertumbuhan tahunan tidak berkenaan disebabkan terdapat pengelasan semula antara PKS dan perusahaan besar berikutan penerimaan pakai definisi standard PKS seperti yang diluluskan oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan.

Peningkatan penunjuk pinjaman utama meliputi sektor perniagaan dan sektor isi rumah



Pengeluaran pinjaman terus menyeluruh

Penunjuk pinjaman utama lebih tinggi pada asas bulanan dan tahunan meliputi sektor perniagaan dan sektor isi rumah. Dalam sektor isi rumah, pinjaman bagi pembelian harta kediaman dan kredit penggunaan yang lebih tinggi menghasilkan kadar pertumbuhan tahunan yang positif dalam penunjuk pinjaman utama.

Jumlah pinjaman terkumpul berkembang pada kadar tahunan 7.3% pada akhir bulan November (akhir bulan Oktober: 6.8%). Pinjaman terkumpul

kepada sektor perniagaan berkembang pada kadar yang lebih cepat sebanyak 4.1% (Oktober: 2.6%), manakala pinjaman terkumpul kepada sektor isi rumah terus berkembang dengan kukuh sebanyak 10.2% (Oktober: 10.6%).

Dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal

Dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal lebih rendah pada bulan November berjumlah RM1.04 bilion. Sejumlah besar dana itu diperoleh sektor awam melalui terbitan baru Terbitan Pelaburan Kerajaan 10 tahun yang berjumlah RM3 bilion. Selepas pelarasan bagi penebusan, dana bersih yang diperoleh sektor awam mencatat dana bersih sebanyak RM996 juta. Dalam sektor swasta, pasaran PDS mencatat dana kasar sebanyak RM2.3 bilion, dengan sejumlah besar dana diperoleh terutamanya melalui terbitan nota jangka sederhana yang mencakupi 81% daripada jumlah PDS yang diterbitkan pada bulan itu. Walau bagaimanapun, pasaran PDS mencatat kedudukan penebusan bersih sebanyak RM202 juta disebabkan penebusan PDS dan bon Cagamas yang berjumlah RM2.45 bilion. Dalam pasaran ekuiti, dana bersih sebanyak RM249.5 juta diperoleh melalui dua tawaran awam awal oleh syarikat dalam sektor harta tanah dan minyak dan gas.



KLCI terus kukuh

Pada bulan November, KLCI mencecah paras 1,000 mata untuk ditutup pada 1,080.66 atau 9.4% lebih tinggi berbanding dengan akhir bulan Oktober.

Prestasi yang lebih mantap disebabkan terutamanya oleh pengumuman perolehan korporat yang lebih kukuh dan perkembangan aktiviti penggabungan dan pangambilalihan. Permodalan pasaran meningkat kepada RM833.2 bilion (sejak akhir bulan Oktober: 8.3%), manakala urus niaga purata harian meningkat kepada 1,059.9 juta unit (Oktober: 652.7 juta unit).



Prestasi KLCI terus bertambah baik sejajar dengan pasaran serantau

Pada 19 Disember, KLCI merosot sebanyak 1.96% selepas pihak berkuasa Thailand mengenakan kawalan modal untuk membendung spekulasi terhadap baht. Walau bagaimanapun, pasaran pulih semula selepas itu dengan KLCI ditutup hanya lebih tinggi sedikit pada 1083.22 (sejak akhir bulan November: 0.2%) pada 27 Disember. Permodalan pasaran keseluruhan lebih tinggi pada RM836.9 bilion (sejak akhir bulan November: 0.5%), manakala aktiviti dagangan meningkat dengan urus niaga purata harian sebanyak 1,081.4 juta unit.

Rizab antarabangsa

Rizab antarabangsa bersih Bank Negara Malaysia berjumlah RM294.9 bilion atau bersamaan USD80 bilion pada 30 November 2006. Rizab meningkat kepada RM295.9 bilion atau bersamaan USD80.3 bilion pada 15 Disember 2006. Kedudukan rizab memadai untuk membiayai 8.1 bulan import tertangguh dan ialah enam kali hutang luar negeri jangka pendek.



Permodalan terus tinggi ketika paras pinjaman tak berbayar menurun

Paras permodalan sistem perbankan terus tinggi dengan RWCR dan nisbah modal teras masing-masing pada 12.7% dan 9.9%. Jumlah asas modal menurun disebabkan satu institusi perbankan dikeluarkan berikutan tamatnya pelaksanaan penggabungan dan satu lagi institusi perbankan membuat pengagihan dividen. Sementara itu, NPL bersih meneruskan trend menurun kepada 4.9% daripada jumlah pinjaman bersih pada akhir bulan November 2006.

Penunjuk Keadaan Sistem Perbankan *

	Pada akhir tempoh									
	1999	**2000**	**2001**	**2002**	**2003**	**2004**	**2005**	**Sep 06**	**Okt-06**	**Nov 06**
Modal (%)										
Nisbah modal teras	10.1	10.7	11.1	11.1	11.1	11.4	10.7	10.5	10.4	9.9
RWCR	12.5	12.5	13.0	13.2	13.8	14.4	13.7	13.2	13.1	12.7
NPL bersih (klasifikasi 3 bulan)										
% jumlah pinjaman bersih	11.0	9.7	11.5	10.2	8.9	7.5	5.8	5.1	5.1	4.9
Jumlah (RM juta)	40,631	37,678	46,254	43,110	40,013	36,668	31,332	28,557	28,666	28,173
Peruntukan am/Jumlah pinjaman bersih (3 bulan, %)	2.2	2.2	2.1	2.1	2.0	1.9	1.8	1.7	1.7	1.7

* Mulai Jun 1999, jadual ini termasuk bank-bank Islam.
* Mulai April 2005, pengiraan RWCR dan nisbah modal teras merangkumi faktor risiko pasaran.



Paras permodalan sistem perbankan terus tinggi walaupun mencatat penurunan…



* berdasarkan klasifikasi 3 bulan

…dalam keadaan paras NPL yang bertambah baik

Bank Negara Malaysia
28 Disember 2006

Perangkaan Utama Monetari dan Kewangan

		Sep 06		Okt 06		Nov 06	
		Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan
		(RM b)	(%)	(RM b)	(%)	(RM b)	(%)
Agregat Monetari							
Wang rizab		55.0	5.6	56.8	2.3	54.2	3.2
M1		131.6	11.5	134.7	9.4	137.6	15.2
M2		673.5	12.2	681.7	13.2	694.3	15.5
M3		708.2	7.9	717.0	9.1	728.5	11.2
Sistem Perbankan							
Jumlah deposit		744.6	10.0	757.6	12.8	776.4	15.4
Jumlah pinjaman (termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas)		589.0	7.5	588.9	6.8	592.8	7.3
Nisbah pinjaman-deposit (%)		76.1		74.9		73.6	
Nisbah pembiayaan-deposit [1] (%)		84.7		83.3		81.9	
Pinjaman yang dipohon (pada tempoh berkenaan)		27.2	-1.3	22.6	-15.0	27.0	17.2
Pinjaman yang diluluskan (pada tempoh berkenaan)		16.3	-13.0	14.7	-16.3	17.2	22.7
Pinjaman yang dikeluarkan (pada tempoh berkenaan)		41.3	-16.2	38.9	-19.6	42.4	3.2
Pinjaman yang dibayar balik (pada tempoh berkenaan)		37.9	-7.6	38.7	-14.9	39.2	-2.4
Keadaan Sistem Perbankan							
Nisbah Modal Wajaran Risiko (RWCR) (%)		13.2		13.1		12.7	
NPL bersih: Klasifikasi 6 bulan (%)		5.1		5.1		4.9	
Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)							
Rizab dalam RM bilion		293.1		293.4		294.9	
Rizab dalam Dolar AS bilion (bersamaan)		79.5		79.6		80.0	
Bilangan bulan import tertangguh		8.1		8.1		8.2	
Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]							
Kadar Dasar Semalaman (OPR)		3.50		3.50		3.50	
Antarabank:	Semalaman	3.51 [3.52]		3.51 [3.50]		3.48 [3.50]	
	Seminggu	3.57 [3.57]		3.60 [3.55]		3.54 [3.52]	
	1 bulan	3.68 [3.68]		3.63 [3.64]		3.59 [3.60]	
Deposit tetap bank perdagangan:	1 bulan	3.13		3.13		3.11	
	3 bulan	3.21		3.21		3.20	
BLR bank perdagangan		6.72		6.72		6.72	
ALR bank perdagangan		6.63		6.56		6.59	
Harga							
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2000=100)		104.1	3.3	104.1	3.1	104.4	3.0
Indeks Harga Pengeluar (IHPR) (1989=100)		128.1	3.9	128.3	5.4	t.d.	t.d.
Kadar Pertukaran Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih (akhir tempoh)							
Dolar AS		3.6845		3.6480		3.6180	
Euro		4.6821		4.6382		4.7626	
Paun Sterling		6.9171		6.9310		7.0473	
100 Yen Jepun		3.1279		3.1035		3.1124	
Dolar Singapura		2.3221		2.3352		2.3430	
100 Baht Thailand		9.8109		9.9225		10.0347	
100 Peso Filipina		7.3477		7.3121		7.2833	
100 Rupiah Indonesia		0.0399		0.0400		0.0395	
100 Won Korea		0.3901		0.3863		0.3889	
Pasaran Modal							
Dana bersih (RM b) yang diperoleh sektor:	awam	1.8		2.6		1.0	
	swasta	0.4		0.7		…	
Indeks Komposit Bursa Malaysia (akhir tempoh)		967.6		988.3		1,080.7	
Permodalan Pasaran Bursa Malaysia (RM b) (akhir tempoh)		745.5		769.1		833.2	

[1] Merujuk kepada nisbah pinjaman dan pegangan sekuriti hutang swasta (PDS) oleh sistem perbankan atas deposit sistem perbankan.